

Ruj. Kami : PMS / UP / 656 – 3 JLD. 4 (10)

Tarikh : Januari 2010

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL.1 / 2010**

TEMPOH PEMBAYARAN DIBAWAH A.P. 58

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pemerhatian Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) mendapati masih ada Pusat Tanggungjawab (PTJ) tidak mengambil serius terhadap pematuhan tatacara kewangan dalam pengurusan perbelanjaan dan pembayaran sehingga menjadikan A.P. 58 sebagai amalan bagi menjelaskan tunggakan bayaran bil dan tuntutan ke atas bekalan dan perkhidmatan yang telah diberikan oleh pembekal dan kontraktor.

3. Pemerhatian PMS juga mendapati ada permohonan bagi mendapatkan kelulusan pembayaran dibawah A.P. 58 dikemukakan hanya selepas separuh tahun kedua tahun kewangan semasa. Keadaan sebegini tidak sewajarnya

berlaku sekiranya peraturan kewangan termasuk prinsip pembayaran dibawah A.P. 58 itu difahami dan dipatuhi selaras dengan dasar-dasar perbelanjaan berhemah dan bertanggungjawab. Malahan A.P. 103 telah menetapkan supaya semua bil dan tuntutan dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima.

4. Justeru itu, berkuatkuasa mulai dari tarikh surat edaran ini, semua Ketua PTJ adalah diminta menyelesaikan, jika ada, pembayaran di bawah A.P. 58 dalam tempoh enam (6) bulan selepas tahun kewangan yang lama ditutup. Ini bermakna mana-mana permohonan untuk kelulusan dibawah pembayaran A.P. 58 yang diterima selepas 30 Jun tidak akan diberikan pertimbangan dan PMS tidak akan teragak-agak untuk mengesyorkan pembayaran dibawah A.P. 59 atau mengenakan tindakan surcaj.

5. Kerjasama daripada pihak Y. Bhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan mengenai perkara ini amatlah diharapkan dan didahului ucapan terima kasih. Sehubungan dengan ini, Surat Edaran Perbendaharaan Malaysia Sabah Bil. 2/2008 dengan rujukan PMS/UP/626-3 Jld.4(1) bertarikh 22 Februari 2008 adalah dibatalkan.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

t.t

(YUSOF BIN HAJI SARANGIT)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah